

Kikis Pandangan Negatif Terhadap Penerima Khidmat Kaunseling

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 25 Oktober 2019 17:53 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 13

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Share](#)


JUMAAT, 25 OKTOBER -
Pandangan negatif dalam kalangan segelintir pihak terhadap individu yang mendapatkan khidmat kaunseling perlu dikhikis.

Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti

Malaysia Sabah (UMS), Agnis Sombuling berkata, sebaliknya mereka sepatutnya memberikan sokongan moral agar rakan-rakan atau saudara mara yang mendapatkan bimbingan daripada kaunselor dapat menangani sebarang konflik atau masalah yang dihadapi.

“Tidak dinafikan, walaupun kini sudah berada pada tahun 2019, masih wujud stigma ini yang mana mereka yang berjumpa dengan kaunselor dikaitkan dengan masalah berkaitan kewarasan.

“Sebenarnya terdapat pelbagai faktor yang membawa seseorang itu datang berjumpa dengan kaunselor, dan tindakan mereka tersebut adalah wajar dalam memastikan sebarang kesulitan atau masalah dalaman dapat dihadapi dengan baik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Penutupan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019 peringkat FPP UMS, di fakulti itu, hari ini.

Hadir sama Ketua Program Psikologi Kaunseling FPP, Dr. Norzihan Ayub; Pengurus Program Bulan Kaunseling Kebangsaan FPP, Sobri Ismail; Pengarah Program Bulan Kaunseling Kebangsaan, Putri Anis Aqilah Ahmad; para pensyarah dan pelajar-pelajar program psikologi.

Menyentuh mengenai program itu Agnis berkata, ia banyak mendatangkan manfaat kepada semua pihak khususnya kepada pelajar-pelajar FPP.

Katanya, Bulan Kaunseling Kebangsaan ini diraikan seiring dengan objektif-objektifnya termasuklah mempertingkatkan persepsi positif masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling, meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kaunseling dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat.

“Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengajur, pensyarah FPP dan juga kepada barisan ahli jawatankuasa pelaksana Program Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019 atas sumbangan idea, tenaga dan komitmen dalam memastikan program sepanjang bulan kaunseling pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya,” ujar beliau.

Bertemakan “Membawa Perkhidmatan Kaunseling kepada Komuniti”, sambutan tersebut turut diisi dengan pelbagai pengisian seperti ceramah, pameran, lawatan, ujian psikometrik, tayanganfilem berkaitan psikologi, *Therapeutic Run*, dan gotong royong.